

# MENGHASILKAN KESEDARAN BERAGAMA

Syarahannya Kiyai Hāji Anwar Musaddad, Imam Besar Masjid Shuhada'.

“Semenjak dahulukala lagi manusia telah menginsafi akan mustahaknya memeluk sesuatu agama atau kepercayaan” – kata Kiyai Hāji Anwar Musaddad di dalam ucapannya di rumah Persekutuan Pemuda Islam dalam masa lawatan beliau ke mari sedikit hari yang lalu. Ia merasa – kata Kiyai Musaddad lagi – hidupnya di dunia ini tidaklah dengan kehendak sendiri. Dalam hati kecilnya ia mengakui adanya Tuhan yang Maha Kuasa, Pencipta alam



Kiyai Anwar Musaddad

semesta. Bagaimana tidak begitu? Setiap hari ia melihat tanda-tanda kebesaran Tuhannya. Dilihatnya matahari yang telah beribu-ribu tahun memancarkan cahayanya yang sangat-sangat berfaedah itu – terus menyala dan bercahaya. Dengan kerana itu timbullah suatu pertanyaan: Dari mana ia menghasilkan bahan pembakarnya siapa yang menciptakannya? Alangkah besar jasanya matahari itu atau alangkah kuasanya yang mengadakan matahari itu.

Pada malam hari pula manusia memandang ke langit, siang telah berganti dengan malam – matahari yang tadinya bersinar terang-benderang telah lenyap tenggelam – cahaya yang tadinya terang-benderang bertukar dengan gelap-gelita – dan di atas langit yang cerah itu sekarang bertukar dengan perhiasan yang indah daripada berjuta-juta bintang yang menghiasi alam laksana kain hitam yang bertaburan permata. Sebuah bintang itu nampaknya sangat kecil – betulkah begitu tidak! Ia nampaknya kecil kerana jauh sangat tempatnya. Di antara bintang-bintang itu ada yang beribu-ribu kali besar daripada dunia ini. Dengan melihat itu timbul pula pertanyaan siapakah pencipta bintang-bintang yang sangat banyak dan sangat indah itu??

Hasrat keinginan bagi mengenal Maha Pencipta itu sehari demi sehari timbul dalam fikirannya. Alangkah berbahagia jika ia dapat mengenal siapa Maha Pencipta itu dan bagaimana jalannya untuk menyerahkan diri di bawah kekuasaan-Nya.

Oleh kerana tertarik oleh kebesaran dan keindahan

alam, manusia berusaha mencari Tuhannya. Bakat dan kesedaran untuk beragama telah ada – yang tinggal lagi hanya menyalurkan perasaannya itu ke dalam saluran agama yang sesungguhnya, agama yang diakui dan diredhai oleh Tuhan Maha Pencipta itu.

Perluah manusia hidup beragama? – tidakkah cukup baik jika ia hidup bebas sahaja di luar ketuhanan? Apakah yang sebenarnya agama itu? Tanya Kiyai Musaddad.

Perkara ini sangat perlu kepada penjelasan yang munasabah (logik). Seterusnya Kiyai menerangkan bahawa di antara guru dan murid itu yang menghubungkannya ialah pelajaran.

Demikian juga di antara suami dan isteri – yang menjadikan keduanya suami dan isteri ialah perkahwinan. Di antara pemerintah dan rakyat pula yang menghubungkannya ialah undang-undang. Sekarang saya suka bertanya apakah yang menghubungkan di antara makhluk dengan khaliqnya, iaitu Tuhan yang Maha Kuasa! Hubungan itulah yang dinamakan agama. Jika ia memandang tidak

perlu beragama maka sudah bermakna hubungan itu dihilangkan sama sekali. Yang demikian boleh sahaja asalkan suka memikirkan akibatnya.

Kalau agama hubungan antara Tuhan dengan manusia dihilangkan maka hilang pulalah hubungan antara guru dengan murid-murid tidak payah ada pelajaran – cukup hanya lihat melihat sahaja, juga di antara suami dengan isteri tak usahlah ada perhubungan, tak usah kahwin, hidup bergaul sahaja seperti ayam dan kambing. Antara pemerintah dan rakyat tak payah ada undang-undang – biar sahaja pemerintah ke Timur, rakyat ke Barat! Jika telah diinsafi bahawa semuanya tidak mungkin bahawa hubungan-hubungan itu harus dijaga baik-baik maka sebagai kesimpulannya, hubungan baik antara Tuhan dengan manusia pun harus dipelihara baik-baik pula – itulah yang dinamakan agama.

Dengan kesimpulan ini pula menimbulkan pertanyaan: Apakah agama-agama yang ada di dunia ini semuanya baik, semuanya benar?

Jawabnya: Yang benar hanya satu iaitu yang sesuai dengan kehendak Tuhan sendiri – bukan agama ciptaan manusia sendiri. Agama yang benar itu ialah agama yang mempunyai uniform (keseragaman) dan mempunyai pertalian atau kelanjutan dari dahulu sampai sekarang dan selanjutnya.

Agama yang benar itu ialah agama yang dipeluk oleh Nabi-nabi, pesuruh-pesuruh Allah, wali-wali, shuhadā' dan ṣāliḥīn. Agama yang benar itu ialah yang dari dahulu hingga sekarang dan selanjutnya itu berisi dengan empat pokok dasarnya iaitu:

1. Penyembahan terhadap Tuhan yang Maha Esa, Maha Tunggal (Tawhid).
2. Penyerahan yang sepenuh-penuhnya; harta, tenaga-tenaga fikiran, jiwa, perasaan dari manusia kepada Tuhan.
3. Mengerjakan kebaikan dan melarang daripada kejahatan.
4. Memelihara pertalian dan hubungan yang baik, dari atas sampai ke bawah dan demikian juga sebaliknya.

Inilah pokok agama semenjak daripada agama yang diturunkan masa Adam sehingga kepada agama yang dibawa oleh Muhammad (SAW) – dasar-dasarnya sama sekadar di sana ada perubahan-perubahannya di atas perkara-perkara yang bertali di luar daripada dasarnya itu dengan kerana pada kembangan manusia yang dimulai daripada masa Adam hanya lebih kurang seratus orang kepada perkembangan manusia yang seperti sekarang.

Nabi-nabi yang terdahulu itu adalah membawa khabar-khabar bakal pengganti mereka dari semasa ke semasa sehingga kepada penamatnya Muhammad (SAW). dan Nabi-nabi yang di belakang mengambil pertalian agama yang dahulu-dahulu seperti di dalam bahagian berkhatan yang disyariatkan oleh Nabi Ibrāhīm dan seumpamanya.

Sekiranya ada agama-agama baharu yang tidak ada pertaliannya, yang setengahnya ada mendapat mimpi dan seumpamanya maka yang demikian itu jangan dipakai sebab tidak ada pertaliannya dengan agama-agama yang dahulu daripadanya – sekianlah sebahagian daripada syarahan beliau mengenai kesedaran beragama.

## Pengenalan:

Kiyai Hāji Anwar Musaddad ialah imam besar Masjid Shuhadā' di Jogjakarta yang didirikan sebagai batu peringatan (tugu) yang bernyawa bagi umat Islam. Beliau adalah menjadi mahaguru bagi Univerisiti Islam dan juga maha guru dalam Perguruan Tinggi Islam Negeri (yang dipunyai kerajaan). Beliau memberi pengajaran kepada penuntut-penuntut itu lazimnya sesudah sembahyang Subuh di bawah bangunan Masjid Shuhadā' yang sememangnya disediakan untuk itu.

Beliau berasal dari Tanah Periang – pada masa kecilnya disekolahkan oleh ayahnya di Sekolah Zinding Christian (*Missionary Christian*) dengan tujuan supaya beliau boleh menjadi doktor atau *lawyer*. Beliau sekolah di sana sampai kepada peringkat sekolah menengah (A.M.S.) dan dalam masa itu pelajaran Kristian telah tertanam kepadanya kerana telah mendalam – akhirnya beliau mengisytiharkan

di hadapan umum – bahawa beliau adalah pemeluk agama Kristian.

Melihat kepada ketetapan itu lain yang dituju dan lain yang didapat, maka ayah bonda beliau menariknya daripada pengajian di sekolah *missionary* yang selama sebelas tahun itu dipindahkan belajar balik di surau. Di sanalah mulai beliau mengaji pula pelajaran Islam. Dalam masa di surau itu, kerana beliau tahu dan rajin menulis maka sebagaimana kebiasaan dalam setahun sekali ramai kiyai-kiyai yang ternama memberi syarahan dan pengajian, yang daripada mereka beliau banyak mendapat faedah.

Akhirnya beliau diminta mengawankan ibunya pergi menunaikan haji di Mekah dan tatkala tiba di Mekah beliau tertarik dengan keadaan di Mekah lalu meminta izin untuk tinggal mengaji di sana. Demikianlah selama sebelas tahun mengaji (seterusnya dengan guru-guru yang berbahasa Arab) dan akhirnya empat tahun pula beliau mengajar di Mekah lalu balik ke Indonesia jadi beliau sebelas tahun mengaji dalam pengajian Kristian dan sebelas tahun pula mengaji dan mengajar di Mekah.



Madam Eynie Tabanus salah seorang ahli lagu bangsa Perancis berumur 50 tahun dan menjadi mahaguru dalam sekolah kesenian yang telah memeluk agama Islam setelah mendengar penerangan Kiyai Anwar Musaddad.

Seorang lagi yang memeluk agama Islam setelah mendengar penerangannya ialah Doktor Lopini mahaguru dalam Universiti Gajah Mada.

sambungan dari muka 7

bahawa tabir atau dinding itu dua jenisnya: Cahaya dan api (*nūrī wa nārī*). Ada pun dinding (*hijāb*)

“cahaya” itu ialah mengerjakan usaha yang mendapatkan sifat-sifat yang terpuji, seperti bertawakkal, *shauq* (mencintai Tuhan), menyerah dan berjaga-jaga dengan cermat akan tiap-tiap kerja yang dilakukan. Akan dinding “api” pula ialah mengerjakan apa-apa yang berupa syahwat, marah, haloba dan terharap-harap, kerana semuanya ini ialah sifat-sifat api, sebagaimana Iblis oleh kerana ia berasal daripada api maka tidak pelik kalau ia terjerumus dalam gaung hasad.

Yang kelima – *Al-Hulūliyah*, suatu puak yang memandang beberapa perkara yang ganjil dalam diri mereka, mereka tidak cukup mempunyai pengetahuan akal, dan kerana itu mereka menyangka telah dapat bersatu dengan Tuhan (yakni Tuhan menyerap ke dalam diri mereka) lalu mereka mendakwa dengan perkara-perkara yang bukan-bukan. Faham yang demikian mulai timbul dalam Islam ialah dalam lingkungan kaum Rafḍī. Mereka mendakwa imam-imam mereka dapat darjah *Hulūliyah* – bersatu dengan Tuhan atau Tuhan menyerap dalam diri mereka.

Yang keenam - *Al-Mubāḥiyah*, puak yang mengerjakan ibadat yang tidak ada asalnya, dan membuat kekeliruan dalam perkara-perkara yang benar, sambil mereka mendakwa mencintai Tuhan ‘Azza wa Jalla, pada hal mereka yang sebenarnya tidak mengetahui hakikat bahkan menyalahi shar‘iyyat dengan berkata: “Tuhan yang dikasihi telah mengangkat hukum taklif daripada kami.” Golongan ini ialah subahat-subahat firqah-firqah yang tersebut.

[Perdirian Imam al-Rāzī terhadap tafsir al-Quran al-Karim akan disiarkan dalam “Qalam” yang akan datang – P.Q.]